

SOALAN NO: 20

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS**

SOALAN:

YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan bilakah usaha menaik taraf jalan Benta-
Jerantut dan jalan Lipis-Kerambit-Jerantut-Kuantan akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sepanjang 21 km daripada 140 km atau 15% daripada laluan Persekutuan 64 (FT64) Jalan Benta – Jerantut -Maran telah siap dinaiktaraf kepada piawaian R5. Manakala baki laluan akan dinaiktaraf secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada kelulusan daripada Agensi Pusat. Dalam RMKe-11 ini, Kementerian ini telah menerima kelulusan peruntukan sebanyak RM 71 juta daripada Agensi Pusat untuk melaksanakan Fasa 1 Segmen 7, Naiktaraf Laluan 64 sepanjang 6 km dengan rekabentuk piawaian JKR R5. Projek ini telah diawad kepada kontraktor dengan tarikh milik tapak pada 27 Februari 2018. Tempoh pembinaan adalah selama 36 bulan dengan tarikh siap pada 26 Februari 2020.

Mengenai cadangan projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan 234 (FT234) dari Lipis – Kerambit – Mela – Jerantut sepanjang 60 km pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ia telah dipohon untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11. Walau bagaimanapun, setakat ini projek dengan anggaran kos RM500 juta itu masih dalam pertimbangan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

SOALAN : 21

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan tiga pelabuhan baru di Yan
Kedah, Tumpat Kelantan dan Penang atau Perak. Bila akan dibina dan
sekiranya ia dibina berapakah jumlah yang diperuntukan untuk
pembinaan tersebut.**

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai perancangan untuk cadangan pembangunan pelabuhan baru di Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

Berdasarkan hasil kajian *National Ports Strategy* yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dengan melantik World Bank, adalah mendapati bahawa tidak ada sebarang keperluan untuk pembangunan pelabuhan-pelabuhan baru di Malaysia pada masa ini kecuali pembangunan pelabuhan atau terminal untuk komoditi atau keperluan industri tertentu sahaja.

SOALAN (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID
[KUALA LANGAT]

SOALAN :

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembinaan kereta api laju yang menghubungkan setiap pelabuhan baru di Yan Kedah, Tumpat Kelantan dan Penang atau Perak dan jumlah peruntukan yang diluluskan sekiranya benar pelan tersebut dilaksanakan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini hanya projek keretapi berkelajuan tinggi Kuala Lumpur – Singapura (KL-SG HSR) yang terdapat di dalam perancangan Kerajaan dan ini adalah projek keretapi laju yang pertama di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018

SOALAN (23)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID
[KUALA LANGAT]

SOALAN :

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar kereta api laju yang menghubungkan antara tanah besar ke Pulau Langkawi dan berapakah peruntukan yang diluluskan untuk pembinaan projek tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini hanya projek keretapi berkelajuan tinggi Kuala Lumpur – Singapura (KL-SG HSR) yang terdapat di dalam perancangan Kerajaan dan ini adalah projek keretapi laju yang pertama di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018